

19 FEB 2001

Mahathir-Lawatan

DR MAHATHIR BUAT LAWATAN RASMI DUA HARI KE SARAWAK

KUCHING, 19 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan kerja dua hari ke Sarawak mulai Jumaat ini.

Menurut aturcara yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan Sarawak, seramai 12,000 orang dijangka menyambut ketibaan Dr Mahathir di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK) pada pukul 9.30 pagi dengan sambutan tradisi pelbagai kaum.

Sejurus selepas tiba, Dr Mahathir akan menghadiri majlis perjumpaan dengan para pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) Sarawak di Hotel Hilton.

Parti-parti komponen BN Sarawak terdiri daripada Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan Parti Kebangsaan Sarawak (Snap).

Pada sebelah petang, Dr Mahathir akan merasmikan loji fabrikasi Silicon yang pertama di Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya.

Loji itu adalah tempat pelaburan litar wafer bersepadu komersil pertama di Malaysia yang dimiliki bersama oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (SEDC) dan sebuah syarikat beribu pejabat di Jerman iaitu Jenoptik AG dengan pelaburan permulaan sebanyak US\$935 juta.

Pada sebelah malam, Perdana Menteri akan menghadiri majlis makan malam bersama pemimpin BN negeri dan ketua-ketua kaum di Dewan Santapan Dewan Undangan Negeri, Petra Jaya.

Pada hari kedua lawatan, Dr Mahathir dijangka menghadiri majlis perjumpaan dan sesi dialog dengan kakitangan Kerajaan Negeri dan Persekutuan di Hotel Crowne Plaza Riverside pada pukul 9.30 pagi.

Perdana Menteri juga akan menghadiri majlis perjumpaan dengan para peniaga kecil Bumiputera di Wisma Sumber Alam, Petra Jaya pada pukul 2.30 petang.

Sebelum berangkat balik ke Kuala Lumpur, Perdana Menteri dijadual mengadakan persidangan media di LTAK pada pukul 4.30 petang.

-- BERNAMA

RDY LAT PR